

26/11/1997

Sikap hati-hati boleh elak perbalahan

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia dan Singapura perlu berhati-hati dan sensitif antara satu sama lain walaupun hubungan antara kedua-dua negara sudah lama terjalin, kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, Malaysia sependapat dengan Singapura bahawa kedua-dua negara tidak mengambil sikap sambil lewa tetapi perlu lebih sensitif untuk mengelak sebarang perbalahan.

Apa yang penting, katanya, Malaysia dan Singapura memahami bahawa kedua-dua negara tidak mudah dipisahkan, manakala hubungan ekonomi yang terjalin adalah kuat dan kukuh.

"Walaupun kita sahabat lama tetapi kita perlu berhati-hati. Kadangkala kita lupa dan bila kita lupa, kita membuat sesuatu secara tidak berhati-hati," katanya selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai Asean di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan pemangku Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong semalam bahawa republik itu perlu berhati-hati dan sensitif dalam mengurus hubungan dua hala dengan Malaysia.

Media Singapura Ahad lalu mengkritik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengaitkan kejatuhan pasaran saham negara dengan khabar angin yang berpunca dari Singapura.

Mereka juga mendakwa kejatuhan pasaran saham dan nilai ringgit kerana asas ekonomi Malaysia yang tidak kukuh walaupun pemimpin Malaysia berkali-kali menjelaskan sebaliknya.

Baru-baru ini, usahawan Singapura mendakwa pihak berkuasa Malaysia sengaja mengetatkan peraturan pemeriksaan kastam di Tambak Johor.

Awal tahun ini, hubungan kedua-dua negara renggang akibat kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, yang dianggap menghina perundangan dan keselamatan negeri Johor.

(END)